



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

SPS PADANAN CARUMAN 3.0 DAN SPS MADANI 3.0: INISIATIF KERAJAAN MENERUSI SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS) DI BAWAH BELANJAWAN 2025

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL.1/2025 | 13 Mac 2025

1. **Apakah inisiatif bantuan kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2025 di bawah SKSPS kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS)?**
 - **SPS Padanan Caruman 3.0** ialah pembiayaan padanan caruman di mana Orang Bekerja Sendiri hanya perlu membayar sebanyak 30 peratus (RM70.00) sahaja daripada kadar caruman RM 232.80 di bawah Pelan Caruman Dua. Orang Bekerja Sendiri layak diberi perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) selepas bayaran tersebut diterima. Baki bayaran 70 peratus (RM162.80) akan dibiayai oleh Kerajaan.
 - **SPS Madani 3.0** ialah bantuan penuh caruman di mana Kerajaan telah menyediakan pembiayaan caruman sepenuhnya (100%) di bawah Pelan Caruman 2 (RM232.80) dengan tempoh perlindungan selama 12 bulan (1 tahun) kepada OBS melalui kumpulan sasaran yang ditetapkan.

2. Siapakah kumpulan Orang Bekerja Sendiri yang disasarkan untuk menerima Inisiatif Kerajaan di bawah program ini?

- Kumpulan sasar di bawah **SPS Padanan Caruman 3.0** ini dikhususkan kepada **tiga belas (13) kategori** berikut:

i. SPS Jaja 4.0

Sektor Penjaja, Sektor Penjagaan dan Perawatan, Sektor Makanan, Sektor Pembuatan, Sektor Pengumpulan Barang.

ii. SPS Agro 3.0

Sektor Pertanian, Sektor Penternakan, Sektor Perhutanan, Sektor Perladangan, Sektor Akuakultur, Perikanan Darat dan Laut.

iii. SPS Lain Upaya 4.0

Orang kurang upaya yang Bekerja sendiri di bawah 20 sektor.

iv. SPS Asal 4.0

Orang Asli (Semenanjung) dan Orang Asal (Sabah dan Sarawak) yang bekerja sendiri di bawah 20 sektor.

v. SPS Seni 4.0

Semua kelas di bawah Sektor Kesenian, Kebudayaan, Kreatif, Karang kraf, Silat, Budaya Warisan, Seni Ukir, Jurusolek dan Artifak.

vi. SPS Gig 5.0

Orang yang bekerja sendiri menggunakan aplikasi digital di bawah syarikat pengantara (*Service Platform Provider*) di bawah 20 sektor.

vii. SPS Usahawanita 4.0

Wanita yang bekerja sendiri di bawah 20 sektor.

viii. SPS Sukan 3.0

Semua sukan termasuklah sukan tradisional, e-sukan, jurulatih, ahli sukan bertaraf profesional, pelajar-pelajar di bawah tajaan Majlis Sukan Negara atau silat olahraga.

ix. SPS Didik 3.0

Sektor pendidikan yang terdiri daripada pendidik, pelajar latihan industri, pengajar, tutor, pengajar agama, kaunselor dan pakar motivasi.

x. SPS Servis 3.0

Sektor Perkhidmatan Isi Rumah, Sektor Perkhidmatan Profesional, Premis Penginapan, Pemprosesan Data, Malim Gunung, Pemandu Pelancong, Segala Sukarelawan, Pegawai Keselamatan, Teknologi Maklumat, Sektor Khidmat Sokongan-Pemilikan Tunggal/Perkongsian (Enterprise) berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

xi. SPS Lancong 1.0

Orang Bekerja Sendiri di bawah 20 sektor yang berada di bawah Industri Pelancongan.

xii. SPS Pemimpin Masyarakat 1.0

Datuk Batin, Pemimpin Masyarakat, Ketua Rumah Panjang atau Ketua Orang Asli yang bekerja sendiri.

xiii. SPS Perkhidmat Rumah Ibadat 1.0

Perkhidmat Rumah Ibadat Hindu, Kristian, Buddha yang sah dibawah peruntukan perlembagaan Malaysia.

- Kumpulan sasar di bawah **SPS Madani 3.0** ini dikhususkan kepada **tiga (3) kategori** berikut:

i. SPS Sukarelawan 3.0

Anggota Tentera, Polis Simpanan, Pertahanan Awam Malaysia, Maritim, Bomba, dan RELA.

ii. SPS Perkhidmat Rumah Ibadat 3.0

Perkhidmat Rumah Ibadat Islam Masjid dan Surau di bawah JAKIM/ Negeri

iii. SPS Penyelia dan Petugas Pemulihan Komuniti 3.0

Sukarelawan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

3. Apakah pelan caruman Keselamatan Sosial yang disediakan oleh PERKESO di bawah SKSPS?

- Terdapat empat (4) jenis Pelan bayaran caruman SKSPS, seperti berikut:

Jadual 1 : Pelan Caruman SKSPS, PERKESO

Pelan Caruman Pilihan	Pendapatan Diinsuranskan	Caruman Bulanan	Caruman Tahunan
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

4. Di bawah Inisiatif Belanjawan 2025, apakah pelan caruman yang dibiayai oleh Kerajaan?

Jadual 2: SPS Madani 3.0 (100%)

Pelan Caruman	Sumbangan Kerajaan (100 peratus)
Pelan 2 (RM232.80)	RM232.80

Jadual 3: SPS Padanan Caruman 3.0 (70% : 30%)

Pelan Caruman	Sumbangan Kerajaan (70 peratus)	Caruman Orang Bekerja Sendiri / Syarikat Pengendali (30 peratus)
Pelan 2 (RM232.80)	RM162.80	RM70.00

5. Apakah syarat-syarat yang melayakkan Orang Bekerja Sendiri untuk mendapatkan manfaat di bawah Inisiatif Belanjawan 2025?

- Syarat-syarat kelayakan SPS Padanan Caruman 3.0 dan SPS Madani 3.0 yang ditawarkan kepada Orang Bekerja Sendiri hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Bertaraf warganegara Malaysia atau pemastautin tetap tanpa mengira had umur;
 - ii. Bekerja sepenuh masa atau separuh masa;
 - iii. Orang Bekerja Sendiri yang bekerja di Malaysia;
 - iv. Orang Bekerja Sendiri yang menyertai sektor seperti yang disenaraikan di Soalan 2; dan
 - v. Orang Bekerja Sendiri belum mendaftar di bawah Inisiatif Belanjawan 2025.

6. Apakah manfaat yang disediakan kepada Orang Bekerja Sendiri yang menyertai Inisiatif Belanjawan 2025 ini?

Manfaat atau faedah perlindungan keselamatan sosial yang disediakan di bawah SPS Padanan Caruman 3.0 dan SPS Madani 3.0 adalah seperti dinyatakan di Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Faedah Perlindungan Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri Mengikut Pelan Caruman Setelah Kes Disahkan Sebagai Bencana Pekerjaan Sendiri.

JENIS FAEDAH	PELAN 2
Faedah Perubatan	Rawatan perubatan di klinik panel / hospital kerajaan PERKESO dan membuat tuntutan penggantian perbelanjaan yang dikeluarkan.
Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	80 peratus daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkelayakan menerima RM41.33 sehari)
Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)	90 peratus daripada RM1,550 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.
Faedah Orang Tanggungan (FOT)	RM1,395* sebulan sepanjang hayat *tertakluk kepada kategori orang tanggungan.
Elaun Layanan Sentiasa (ELS)	RM500 sebulan
Faedah Pengurusan Mayat	RM3,000
Faedah Pinjaman Pendidikan	Faedah berbentuk pinjaman pendidikan kepada anak Orang Bekerja Sendiri yang layak sekiranya Orang Bekerja Sendiri meninggal dunia akibat Bencana Pekerjaan Sendiri atau menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK)
Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional	Bekalan alat bantuan seperti kerusi roda, tilam, tongkat, anggota tiruan, fisioterapi, dan lain-lain. Program "Return to Work (RTW)" serta latihan vokasional dalam bidang kursus yang ditawarkan di Pusat REHAB PERKESO.

7. Bagaimanakah permohonan ini boleh dibuat?

- Permohonan bagi **SPS Padanan Caruman 3.0** adalah seperti berikut:
 - i. Permohonan dan bayaran (secara individu atau melalui agensi) boleh dilakukan di Laman Web Prihatin prihatin.perkeso.gov.my ;
 - ii. Melalui mobil aplikasi Prihatin PERKESO;
 - iii. Melalui kaunter Pejabat PERKESO yang berdekatan;
 - iv. Melalui Ejen Korporat SKSPS atau Ejen Individu SKSPS yang sah dilantik oleh PERKESO; dan
 - v. Tempoh perlindungan bermula setelah penerimaan bayaran 30 peratus (RM70.00) daripada pemohon kepada pihak PERKESO.

- Manakala, permohonan bagi **SPS Madani 3.0** boleh dibuat melalui:
 - i. Melalui agensi pentadbiran kawal selia masing-masing.
 - ii. Tempoh perlindungan bermula setelah penerimaan senarai pemohon daripada agensi kepada pihak PERKESO

8. Apakah dokumen yang diperlukan semasa membuat pendaftaran ini?

- Dokumen sokongan Orang Bekerja Sendiri yang diperlukan untuk **SPS Padanan Caruman 3.0** ialah:
 - i. Salinan kad pengenalan; dan
 - ii. Surat pengesahan pekerjaan daripada agensi atau pihak berkuasa yang berkaitan tertakluk kepada jenis sektor.

- Dokumen yang diperlukan untuk menyertai **SPS Madani 3.0** seperti dinyatakan berikut :
 - i. Salinan kad pengenalan.
 - ii. Surat pelantikan / pengesahan kerja – untuk petugas madani komuniti/ Anggota Sukarelawan / Guru Takmir/ Imam/ Bilal/ Siak/ Noja/ Merbut.

9. Bagaimanakah jika Orang Bekerja Sendiri melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor?

- Sekiranya mana-mana Orang Bekerja Sendiri yang melakukan aktiviti pekerjaan sendiri lebih daripada satu sektor, mereka dibenarkan menyertai SPS Padanan Caruman 3.0 atau SPS Madani 3.0 untuk sekali penyertaan sahaja. Seorang Orang Bekerja Sendiri dibenarkan menyertai hanya satu inisiatif Belanjawan 2025 sahaja.

10. Bagaimanakah sekiranya Orang Bekerja Sendiri telah mencarum SKSPS, adakah beliau layak menyertai program ini?

- Senario serta kelayakan untuk Inisiatif Kerajaan, SPS Padanan Caruman 3.0 dan SPS Madani 3.0 diterangkan di dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5 : Senario Pilihan Pelan Caruman

Senario	Pelan Terkini (Status Perlindungan)	Status Sistem Dikunci	Tindakan
Senario 1: Orang Bekerja Sendiri Belum wujud di dalam Laman Web Prihatin.	Tidak Berkaitan	Tidak berkaitan	Terima permohonan. Mendaftar Orang Bekerja Sendiri dan menerima amaun bayaran daripada Orang Bekerja Sendiri.

Senario	Pelan Terkini (Status Perlindungan)	Status Sistem Dikunci	Tindakan
Senario 2: Nama Orang Bekerja Sendiri Sudah wujud di dalam Laman Web Prihatin tetapi belum daftar/sertai Inisiatif Belanjawan 2025	Pelan 1/2/3/4 (Aktif) Caruman secara bulanan/tahunan.	Sistem tidak dikunci.	Terima Permohonan dan Daftar Inisiatif Belanjawan 2025
Senario 3: Nama Orang Bekerja Sendiri Sudah wujud di dalam Laman Web Prihatin tetapi belum daftar/sertai Inisiatif Belanjawan 2025	Pelan 1/2/3/4 (Tamat Tempoh) Caruman secara bulanan/tahunan.	Sistem tidak dikunci.	Terima Permohonan dan Daftar Inisiatif Belanjawan 2025
Senario 4: Nama Orang Bekerja Sendiri telah berdaftar menyertai Inisiatif Belanjawan 2025 namun beliau memohon menyertai sekali lagi Inisiatif Belanjawan 2025	SPS Padanan Caruman 3.0 atau SPS Madani 3.0 (Aktif)	Sistem dikunci	Tolak permohonan. Orang Bekerja Sendiri tidak layak mencarum dua kali di bawah Inisiatif Belanjawan 2025 bagi bayaran tahun semasa. (1 Orang Bekerja Sendiri untuk 1 Inisiatif Belanjawan 2025)

11. Bagaimanakah Orang Bekerja Sendiri boleh membuat semakan kelayakan atau kelulusan penyertaan program Inisiatif Kerajaan ini?

- Orang Bekerja Sendiri boleh membuat semakan kelayakan atau kelulusan program SKSPS melalui kaedah berikut:
 - i. Orang Bekerja Sendiri boleh menyemak pendaftaran dan caruman melalui Laman Web Prihatin (prihatin.perkeso.gov.my) iaitu melalui Status Pengesahan Bekerja Sendiri;
 - ii. Semakan kelayakan permohonan di 54 buah kaunter pejabat PERKESO di seluruh negara;

- iii. Berhubung terus dengan Pegawai Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1300-22-8000; dan
- iv. Orang Bekerja Sendiri yang berjaya menyertai inisiatif ini akan menerima notifikasi pengesahan penyertaan melalui emel.

12. Bilakah tarikh dan tempoh perlindungan bermula?

- Tarikh bayaran yang diterima dianggap sebagai tarikh kuatkuasa bermulanya tempoh perlindungan atau sejurus selepas perlindungan pelan caruman sedia ada telah tamat tempoh.
- Bayaran caruman untuk inisiatif ini adalah untuk tempoh perlindungan 12 bulan bagi setiap permohonan yang dikemukakan.

13. Bilakah tarikh kuatkuasa dan tempoh tamat permohonan inisiatif ini?

- Permohonan boleh dibuat bermula 13 Mac 2025 sehingga 31 Disember 2025.
- SPS Padanan Caruman 3.0 dan SPS Madani 3.0 ini juga akan tamat secara automatik sekiranya telah mencapai tahap maksimum peruntukkan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, permohonan dan bayaran bagi caruman normal boleh diteruskan seperti biasa.
- Kelulusan setiap permohonan yang dikemukakan adalah tertakluk kepada keputusan muktamad PERKESO.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau e-mel kepada perkeso@perkeso.gov.my.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

13 Mac 2025